



#### ICERP Dapat Sambutan Wakil 10 Negara



*Ketibaan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dr. Hou Kok Chung dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah ke dalam Dewan Konvensyen Hotel Marriott Putrajaya.*

**PUTRAJAYA, 10 Jun** – Konvensyen International on Educational Research and Practise (ICERP) anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah disertai oleh perwakilan dari 10 negara termasuk peserta tempatan baru- baru ini di Dewan Konvensyen Hotel Marriott Putrajaya.

Peserta dari 10 negara tersebut ialah dari Amerika Syarikat, Australia, Afrika Selatan, New Zealand, Filipina, Iran, Taiwan, Pakistan, Sri Lanka dan Singapura telah mengambil bahagian dalam konvensyen selama dua hari yang diadakan buat kali pertama.

Konferens yang dihadiri 180 peserta dalam negara dan 70 peserta luar negara itu berlangsung selama dua hari serta ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Bank Rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dr. Hou Kok Chung mewakili Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin antara tetamu terhormat yang hadir dalam majlis tersebut.

"Konvensyen bertema *'Enhancing Human Capital Through Teacher Education'* ini bertujuan membincang isu semasa, cabaran dan mencari kesan dinamik sebagai seorang pendidik" menurut beliau.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata konvensyen sebagai platform perkongsian maklumat dan interaksi profesional antara pelajar serta pelatih tempatan dan luar negara dalam bidang pendidikan.

"Saya percaya hasil penyelidikan dan perbincangan ini boleh membantu meningkatkan produktiviti dan keberkesanan di organisasi pelajaran masing- masing" katanya.



*Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampai cenderamata kepada Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dr. Hou Kok Chung sebagai kenangan ICERP09.*

**Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.**